

Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia di 50 lokasi

BERNAMA



ISMAIL Sabri melawat pameran ketika majlis Pelancaran Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia. FOTO Hairul Anuar Rahim

Segamat: Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia, yang memberi peluang kedua kepada pelajar yang mahu meneruskan pengajian ke menara gading, bakal diadakan di 50 lokasi di seluruh negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jelajah tersebut memberi peluang kepada pelajar yang gagal memasuki universiti berikutan penilaian UPU Online, yang tidak mengambil kira status keluarga, tempat tinggal dan sebagainya dalam membuat keputusan.

"Jadi sebab itulah kita membuat program ini dan hasilnya ramai pelajar yang gagal berjaya mendapat tawaran masuk ke universiti sewaktu jelajah tersebut.

"Itu sebab program ini kita terus laksanakan walaupun apabila kerajaan Barisan Nasional (BN) tumbang pada 2018, kerajaan Pakatan Harapan telah memberhentikan program ini. "Walaupun telah bertukar kerajaan (kini) tetapi kerana Covid-19 kita tak mampu untuk meneruskan dan pada tahun ini kita mulakan

semula," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia di sini, hari ini.

Sejak 2016 sehingga hari ini, seramai 160,374 pelajar telah berjaya memasuki institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta serta agensi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), kata Perdana Menteri.

"Pada tahun ini, kita mensasarkan 50,000 pelajar untuk memasuki menara gading. Selain itu, (terdapat) pelajar Sijil Pelajaran Malaysia 2021 dan 2020 yang masing-masing 407,000 orang dan 401,000 orang. Jadi kita jangka yang datang ke jelajah ini adalah dalam kalangan mereka ini," katanya.

Ismail Sabri juga menyeru mana-mana agensi serta yayasan yang berkemampuan untuk tampil memberikan sumbangan bagi membantu pelajar miskin dan kurang berkemampuan untuk menyambung pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, pendidikan adalah perkara yang amat penting bagi mengubah masa depan individu atau setiap keluarga itu sendiri.

"(Dan) kerajaan juga menjadikan pendidikan sebagai agenda utama untuk mengubah kehidupan anak-anak bangsa, untuk mengubah kehidupan keluarga dan mengubah negara kita," tambah Ismail Sabri.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM1 juta daripada Yayasan Petronas untuk membantu pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Disiarkan pada: Mac 6, 2022 @ 10:30pm